

Inspira^{Inside}

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپي سي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 45: 17 November 2025

UPSI sebaris universiti terkemuka dunia bidang pendidikan - Naib Canselor

Tanjong Malim, 11 November - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus mengharumkan nama negara di peringkat global apabila meraih pelbagai pengiktirafan antarabangsa dan kejayaan akademik yang meletakkan institusi bersejarah itu sebaris universiti terkemuka dunia. Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff, berkata UPSI kini berada di tangga ke-126 universiti terbaik dunia dalam bidang pendidikan berbanding kedudukan ke-151 sebelum ini, sekali gus menunjukkan peningkatan ketara dalam penarafan QS World University Rankings by Subject.

Beliau berkata, dalam penarafan QS World University Rankings Asia 2026, UPSI turut melonjak ke kedudukan ke-156 terbaik Asia, berbanding tempat ke-165 pada tahun sebelumnya. "Dalam Times Higher Education (THE) World University Rankings 2026, UPSI kekal kukuh dalam kelompok 601 universiti terbaik dunia manakala di Malaysia, UPSI berada di kedudukan kesembilan dalam kalangan institusi pengajian tinggi (IPT). "Kejayaan ini mencerminkan keutuhan visi dan komitmen UPSI dalam memperkukuh reputasi antarabangsa serta menjadikan Muallim sebagai pusat kecemerlangan pendidikan global," katanya ketika menyampaikan sembah ucapan sempena Istiadat Konvokesyen UPSI ke-27 di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah di sini hari ini.

Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim yang juga Canselor UPSI berkenan berangkat ke majlis itu dan menyampaikan ijazah pada sesi pertama istiadat berkenaan. Sementara itu, Md Amin berkata, usaha meletakkan nama UPSI dan Muallim di persada dunia akan terus diperhebat menerusi pelbagai inisiatif strategik, penarafan antarabangsa dan program berimpak tinggi. "Antara pengiktirafan membanggakan yang diterima UPSI tahun ini termasuklah Tadika Bitara Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC)-UPSI yang menjadi prasekolah pertama di Malaysia diiktiraf oleh Rangkaian

Sekolah Bersekutu (ASPnet) Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO)," katanya. Beliau berkata, kejayaan turut dilakar apabila Prof Madya Dr Norliza Jamaluddin daripada Fakulti Bahasa dan Komunikasi dinobatkan sebagai Penerima Anugerah Akademia Terbaik Bahasa Melayu, manakala pelajar Ng Zhen Fan Shankar diiktiraf sebagai Tokoh Siswa Terbaik Negara.

Md Amin berkata, UPSI turut menerima pengiktirafan 4 Diamond dalam Cabaran Bandar Rendah Karbon 2030, Anugerah Tarian Tradisional Terbaik di Festival Tarian Korea Antarabangsa ke-34 di Daejeon, Korea Selatan, serta Anugerah Emas bagi projek inovatif GeoAttendance di Taiwan.

Konvokesyen kali ini merayakan sebanyak 7,173 graduan yang berlangsung bermula hari ini hingga 18 November membabitkan lapan sesi.

Daripada jumlah tersebut, 5,160 membabitkan graduan prasiswazah, iaitu 693 graduan Diploma dan 4,467 graduan Ijazah Sarjana Muda. – BERNAMA



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Prof. Dr. Ishak Saat dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus UPSI

Tanjong Malim, 11 November - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) meraikan tokoh ilmuwan terbilang, Profesor Dr. Ishak Saat, yang dikurniakan gelaran Profesor Emeritus sebagai mengiktiraf jasa dan sumbangan luar biasa beliau dalam bidang pendidikan dan sejarah negara.

Penganugerahan tersebut disempurnakan oleh Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim yang juga Canselor UPSI ketika sesi pertama Istiadat Konvokesyen UPSI ke-27 yang berlangsung di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah.

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md. Amin Md. Taff berkata, pengurniaan gelaran itu mencerminkan penghargaan tertinggi universiti terhadap sumbangan Profesor Ishak dalam memperkaya khazanah ilmu sejarah dan melahirkan generasi pendidik yang berwibawa.

"Beliau bukan sahaja seorang sarjana prolifik, malah seorang pendidik sejati yang sentiasa menjadikan ilmu sebagai wahana membina

Disiplin, fokus rahsia dua penerima Anugerah Diraja UPSI

Tanjong Malim, 12 November - Penekanan terhadap disiplin dan memberi fokus dalam akademik menjadi kunci kejayaan dua graduan penerima Anugerah Diraja sempena Konvokesyen Ke-27 Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) tahun ini, Nazatul Najwa Rossimy dan M. Permawathy. Nazatul Najwa, 23, berasal dari Pendang, Kedah, merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Matematik) dengan Kepujian dari Fakulti Sains dan Matematik (FSM).

Menurutnya, penglibatan dalam aktiviti pelajar tidak menjadi halangan untuk mencapai kecemerlangan, namun keutamaan

peradaban bangsa. Ketokohan beliau amat menyerlah dalam dunia akademik, penyelidikan, dan kepimpinan ilmiah. Dilahirkan pada 30 November 1964 di Sitiawan, Perak, Profesor Ishak membuktikan bahawa kesederhanaan bukan halangan untuk mencapai kecemerlangan.

Beliau memulakan karier pendidik di SMK Methodist, Tanjong Malim pada tahun 1988 sebelum meneruskan khidmat di beberapa sekolah lain, antaranya SMK Sri Tapah, di mana beliau dipertemukan dengan isteri tercinta, Sharifah Rogayah Syed Idrus.

Didorong semangat untuk terus menimba ilmu, beliau menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda (Sejarah dan Sains Politik) di Universiti Sains Malaysia (USM), diikuti Ijazah Sarjana Sejarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan akhirnya memperoleh Doktor Falsafah (PhD) dari USM pada tahun 2007 dengan pembiayaan sendiri.

akademik perlu sentiasa dijaga. Nazatul Najwa berkata, pengalaman mengimbangi organisasi dan akademik banyak mengajarnya tentang disiplin, selain sokongan ibu bapa dan rakan-rakan menjadi sumber kekuatan dalam menghadapi tekanan sepanjang pengajian.

Sementara itu, Permawathy, 25, berasal dari Pantai Remis, Perak, merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Sumber Manusia) dengan Kepujian dari Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE). Permawathy menyifatkan disiplin ulang kaji secara konsisten sebagai faktor utama kejayaannya.



Jurufotografi UPSI terharu rakam kejayaan anak di pentas Konvokesyen

Tanjong Malim, 17 November - "Pok Cik" atau nama sebenarnya Fisol Ahmad, 53, jurufotografi di Bahagian Komunikasi Korporat Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), menyifatkan hari ini sebagai detik paling bermakna dalam kerjayanya apabila akhirnya dapat merakam sendiri momen konvokesyen anaknya selepas 25 tahun berkhidmat.

Beliau berkata peluang menyaksikan anaknya menerima skrol di pentas merupakan detik yang amat menyentuh hati selepas bertahun-tahun hanya merakam kejayaan anak orang lain di setiap musim konvokesyen.

"Sebelum ini saya hanya tengok anak orang naik pentas, namun dalam hati terdetik juga bila giliran anak sendiri. Hari ini Allah makbulkan. Teruja sangat," katanya ketika ditemu bual selepas Istiadat Konvokesyen berkenaan. Katanya, walaupun teruja, beliau tetap menjaga

etika tugas dan tidak mengganggu jurufoto rasmi yang bertugas di hadapan pentas. "Saya ambil gambar dari jauh saja dan yang penting momen itu ada. Hari ini bukan hari saya sebagai jurufoto, tapi hari saya sebagai seorang ayah.

Beliau berkata UPSI menjadi pilihan anaknya bukan kerana ingin mengongkang sebaliknya percaya kepada perkembangan pesat universiti itu yang kini semakin mendapat perhatian dalam dan luar negara.

Sementara itu, anaknya, Nur Zulaikha Fisol, 20, menerima skrol Diploma Keusahawanan pada Istiadat Konvokesyen berkenaan dan mengakui bangga apabila ayahnya dikenali ramai di kampus.

"Banggalah juga, tapi dalam masa sama saya cuba kekal rendah diri. Ayah selalu pesan jangan bermegah," katanya. Beliau berkata kejayaan pada hari ini menjadi pemangkin untuk

meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Sementara itu, Fisol berkata beliau menyokong sepenuhnya cita-cita anaknya untuk menyambung pelajaran.

"Kalau boleh saya nak dia belajar sampai PhD. Ke mana dia nak pergi, saya sokong. Kalau terus di UPSI pun, itu lagi membanggakan," katanya.

Mengulas lanjut mengenai gelaran 'Pok Cik', beliau berkata panggilan tersebut melekat kerana beliau sering membahaskan dirinya sedemikian sewaktu berbual dengan rakan sekerja, sehingga gelaran itu lebih dikenali berbanding namanya sendiri.

"Saya selalu sebut 'pak cik, pak cik' bila bekerja... lama-lama orang pun ikut panggil. Nak kata tua sangat pun tidak, tapi saya tak kisah. Yang penting, kita selesa bekerja dan orang mudah ingat," katanya.

